# PRIVACY POLICY (ENGLISH)

20211221

## 1. WHAT IS PRIVACY POLICY ABOUT

In the course of providing our Service, we may collect and process certain Personal Data. We want to be transparent with you by creating this Privacy Policy to inform you of your rights in respect of your Personal Data that is being processed or that is to be collected and further processed by us. This Privacy Policy describes what information is gathered, how this information is used and stored, who the information will be shared with, how you can opt out and how you can modify your Personal Data held by us and any other changes that have been made from time to time.

This Privacy Policy applies to our Portal and the use of our Service, and it is incorporated and forms part of the Terms of Use.

## 2. GLOSSARY

The following words are given the following definitions: -

| | |
|---|---|
| "Account" | means an account you registered with us to access and/or use the Portal and/or Service. |
| "Affiliate" | means any person or entity controlling, controlled by, or under the common control of a company. "Control" means the ownership of the equity shares carrying fifty percent (50%) or more of the votes exercisable at a general meeting (or its equivalent) of a company. |
| "Appropriate Authority" | means (i) the federal government of Malaysia, (ii) any state, province, regency, municipality or other political subdivision of Malaysia, (iii) any agency, authority or instrumentality of any of the foregoing, including any court, tribunal, department, bureau, commission or board, or (iv) the relevant authority in a foreign country, if applicable. |
| "Authorised Third Party" | means business partners, contractors, agents, auditors, advisers, any telecommunications provider which we have an arrangement with in connection with the Portal and/or third-party service provider or supplier who engage us, or engaged by us, from time to time for the purposes of providing the Portal and/or Service to you. Authorised Third Party shall also include parties in which we propose to or have any existing business dealing with. |
| "Content" | means the content managed and/or provided by us and/or its content provider which includes without limitation all forms of text, graphics, audio, files, data, images, photographs, pictures, logos, video clips, video streaming, news, live feeds and information on demand content. |
| "Contest" | means giveaway or contest organised by us, our Affiliate and/or our agent. |
| "e-KYC" | means the electronic process to validate the identity of user. |

| | |
|---|---|
| "Law" | means any law (whether domestic or international), statute, code, rule, guidelines, notices, ordinance, regulation, directive, order, judgment, writ, injunction or decree, and includes any changes in the application or interpretation thereof. |
| "Personal Data" | shall have the same meaning ascribed to it in the PDPA. |
| "PDPA" | means Personal Data Protection Act 2010. |
| "Portal" | means any portal by us and made available in a digital distribution service that allows you to download, activate, access and/or use the Service, and it includes any updates or upgrades made available by us from time to time. |
| "Post/Posted" | means to publish, display, submit and/or upload. |
| "Service" | collectively means the services, feature and/or functionality made available by us to subscriber and/or user through our Portal. |
| "Social Media" | means social media account such as Facebook, LinkedIn, Twitter, Instagram, Google, or any other social media. |
| "us", "we", or "our" | means Kiple Digital Sdn Bhd (201701031788 (1245958-T)). |
| "user", "you", or "yours" | means you, an individual, who is accessing and/or using our Portal and/or Service. |
| "Website | means any website owned and/or managed by us (as amended from time to time) currently accessible at www.kiple.com, excluding any external website to which the website points by way of hyperlink or otherwise. |

**3. CHANGES**

Our Privacy Policy may change from time to time without notice. As such, please look at our Privacy Policy periodically, and especially before you provide us any of your Personal Data. This Privacy Policy was last updated on the date indicated above. Your continued access and/or use of our Portal and/or Service after any changes, revisions or modifications to this Privacy Policy shall indicate your agreement with the terms of such revised Privacy Policy.

**4. PARENTAL ADVISORY**

**We decided to make this entire paragraph BOLD to draw your attention. We are not able to contract with you unless you are 18 years old and above. If you are a child, please obtain permission from your parent or guardian before using our service.**

**If you have any reason to believe that a child has provided Personal Data to us, please contact us and we will endeavor to delete that information from our database. Otherwise, we will deem that you are 18 years and above or has obtained consent from your parent or guardian when you provide your Personal Data to us.**

## 5. WHEN IS THIS PRIVACY POLICY APPLICABLE TO YOU

The Privacy Policy is applicable to you the moment you access and/or use the Portal and/or Service.

## 6. THE INFORMATION WE COLLECT

We collect information in (2) ways: -

(a) **PERSONAL DATA THAT YOU OR A THIRD PARTY PROVIDES TO US**. We may collect information, such as, name, gender, country of origin, National Registration Identification Card, birthdate, driving license, car plate number, telephone number, email address, credit/debit card information, photo, bank account information, business information, thumb print, video, physiological recognition, voice, signature etc. Other than Personal Data obtained from you directly, we may also obtain your Personal Data from third parties we deal with and from such other sources in which you have given your consent or authorised for the disclosure of such Personal Data.

(b) **INFORMATION WE GET FROM YOUR USE OF THE PORTAL AND/OR SERVICE**. When you interact with us through the Portal and/or Service, we may collect or receive and store certain personally non-identifiable information. Such information is collected passively using various technologies and cannot presently be used to specifically identify you. This information includes: -

- device-specific information such as hardware model, operating system version, unique device identifiers, mobile network information, memory, sound card data, Internet Protocol (IP) address.
- cookies that may uniquely identify your browser. This is described in detailed below.
- details of how you access and/or use the Portal and/or Service such as your search queries.
- total number of visitors accessing and/or using the Portal and/or Service.
- diagnostic and usage data that your device generates. This is described in detailed below.
- how you and other users use and interact with the Portal and/or Service.

The above is collectively known as "Information". If we do combine non-personal information with Personal Data the combined information will be treated as Personal Data for as long as it remains combined.

The Personal Data and Information you provide us is necessary. If you do not provide us with such Personal Data and Information, we may not be able to provide you with the Portal and/or Service.

## 7. USE OF YOUR PERSONAL DATA AND INFORMATION

We use the Personal Data and Information you provide in a manner that is consistent with this Privacy Policy. If you provide Personal Data for certain reason, we may use the Personal Data in connection with the reason for which it was provided. Your Personal Data and Information may also be used by us, our Affiliate and/or Authorised Third Party for one or more of the following purposes: -

(a) to assess your application;
(b) to conduct e-KYC;
(c) to administer your participation of any Contest or any campaign or events;
(d) to operate and provide the Portal and/or Service to you;
(e) to administer your Account;

(f) for technical administration of the Portal and/or Service;
(g) for internal administrative purposes, including accounting and tax;
(h) to verify and process payment;
(i) to communicate with you;
(j) to respond to your inquiries;
(k) for research and development;
(l) for statistical analysis;
(m) for quality assurance;
(n) for enhancement of the Portal and/or Service;
(o) to detect and prevent fraudulent activity;
(p) for investigation of complaints and suspected suspicious transactions;
(q) for compliance with any requirements by an Appropriate Authority and/or requirement of Law;
(r) for profiling Service preferences;
(s) to conduct market research and analysis for our business plans;
(t) for record keeping, report generation and management analysis purposes;
(u) to provide you with information on our other product and services, of our Affiliate, and/or Authorised Third Party;
(v) to send you information, promotions and updates including marketing and advertising materials in relation to the Portal and/or Service and those of our Affiliate, and/or Authorised Third Party;
(w) to facilitate the sign-up of product and services, of our Affiliate and/or Authorised Third Party;
(x) our other legitimate business activities; and/or
(y) any other activities which are ancillary to the Portal and/or Service.

The above shall collectively be referred to as “Purposes” in this Privacy Policy.

You represent and warrant that the consent of any user whose Personal Data you have provided in any application and/or disclosed to us has been obtained to allow us to process the same for the Purposes set out above.

If we intend on using any Personal Data in any manner that is not consistent with this Privacy Policy, you will be informed of such anticipated use prior to or at the time at which the Personal Data is collected.

## 8. DISCLOSURE OF YOUR PERSONAL DATA

We are not in the business of selling your Personal Data. We consider this information to be a vital part of our relationship with you. As such we will not sell or rent your Personal Data save and except as provided herein. There are, however, certain circumstances in which we may share your Personal Data with certain third parties without further notice to you, as set forth below.

Business Transfer. As we develop our business, we might sell or buy businesses or assets. In the event of a corporate sale, merger, reorganisation, dissolution or similar event, Personal Data may be part of the transferred assets.

Affiliate. We may also share your Personal Data with our Affiliate for purposes consistent with this Privacy Policy.

Appropriate Authority. To comply with any order of court or directive from authorities investigating any alleged offence, misdeed and/or abuse or to enforce any of the terms and conditions applicable to you, or where such action is necessary to protect and defend our rights or property.

Authorised Third Party. Where services from such Authorised Third Party is required, we will share your Personal Data on a strictly confidential basis. Authorised Third Party will not be allowed to use your Personal Data disclosed to them except in accordance with this Privacy Policy.

Other Parties. We may disclose your Personal Data to any other party in respect of whom you have consented to the disclosure of your data.

## 9. THIRD PARTY SERVICES

Our Portal may provide a link or a platform to third party applications, website and/or services to make available certain services to you ("Third Party Services"). This Third-Party Services may contain, from time to time, links to other web sites. We are not responsible for the privacy practices or the content of such websites or of any third party. You should review the privacy policies of such Third-Party Services. This Privacy Policy applies solely to Personal Data and Information collected by us.

## 10. COOKIES

What is a Cookie?

When you access and/or use the Portal, your device will automatically be issued with a cookie. Cookies are small files containing string of characters that are placed in your device's hard drive to identify your device to our server. Generally, cookies themselves only record those areas of the site that have been visited by the device in question, and the duration. Many websites and/or software application do this whenever a user visits their site in order to track traffic flow.

Depending upon the type of device you are using, you may set your device to accept all cookies, to notify you when a cookie is issued, or not to receive cookies at any time. The last of these, of course, means that certain personalised services cannot then be provided to you.

Our Cookies: -

We use "cookies" to store and track information about you and your access and/or use of the Portal. Our cookie and information retrieved from our cookie is used in line with the uses set out in in this Privacy Policy and more specifically:

- to help save and retrieve passwords used on the Portal. This way, you will not have to re-enter information upon every new visit to the Portal.
- to track information such as the frequency and duration of your access and/or use of the Portal, your click-stream as you go through the Portal and help us determine whether you came to the Portal from a particular internet link or banner advertisement.
- to analyse the profile of visitors and users to helps us in providing you with better access and/or use of the Portal and to enhance the Portal.
- to personalize the content, banners and promotions that you will see on the Portal.

Most cookies are "session cookies," meaning that they are automatically deleted from your device at the end of a session. You are always free to decline cookies if your device permits, although in that case you may not be able to use certain features of the Portal and you may be required to re-enter your password more frequently during a session.

Third Party Cookies:

We may allow other third party to serve ads when you access and/or use the Portal. In the course of serving advertisements, the third-party may place or recognize a unique cookie in your device. Such third party may use information retrieved from their cookies to provide advertisements on the Portal and other product and services that may be of interest to you.

**WE HAVE NO ACCESS TO OR CONTROL OVER THE THIRD-PARTY COOKIES AND THEY ARE NOT SUBJECT TO OUR PRIVACY POLICY. PLEASE REVIEW THEIR PRIVACY POLICY FOR DETAILS.** If you want to prevent such third party from sending and reading cookies on your device, you will need to visit each of their websites individually to request that you be removed from that system.

## 11. DIAGNOSTIC AND USAGE DATA

We would like you to help improve the quality and performance of the Portal and/or Service. We can automatically collect diagnostic and usage data from the device you are using and send it to us for analysis. The information is submitted anonymously to us. None of the information submitted identifies you personally, nor do we include images or any of your text. If you allow us to collect diagnostic and usage data, it may include details about crashes and details about which features of the Portal and/or Service you use and how often. This data would also indicate the kind of device you're using and which version of the operating system it's running. Automatic reporting of diagnostic and usage information is on by default.

## 12. RIGHTS RELATING TO YOUR PERSONAL DATA

You can write to us vide the email address provided in this Privacy Policy at any time to access, correct, inquire or obtain details of the Personal Data we hold about you, or to limit the processing of the Personal Data. Please quote your name, National Registration Identity Card and mobile number, and where applicable, to provide brief details of the Personal Data in question. We may charge a reasonable sum permitted by existing laws to cover our administration costs, where permitted by law.

We reserve the right to refuse to provide you with a copy of your Personal Data, but will give reasons for our refusal.

In relation to direct marketing, unless there is an Opt-In and/or Opt-Out function on the Mobile Application, you may request us by written notice not to process your Personal Data.

We maintain your Personal Data in our business records while you accessing and/or use the Portal and/or Service. We also maintain this information for a period of time after you are no longer a subscriber or when you discontinue accessing and/or using the Portal and/or Service if the information is necessary for the Purposes for which it was collected or to satisfy legal requirements.

## 13. SECURITY

The Portal may not be a secure medium and may be subject to third-party interception. We cannot accept responsibility for any unauthorised access or loss of Personal Data.

We have implemented security policies, rules and technical measures to protect your Personal Data from unauthorised access, improper use or disclosure, unauthorised modification, unlawful destruction or accidental loss. All our employees and data processors, who have access to and are associated with the processing of Personal Data, are obliged to respect the confidentiality of your information.

While we cannot guarantee that loss, misuse or alteration of Personal Data will not occur; we make reasonable efforts to prevent such unfortunate occurrences.

Personal Data that we collect from you will be stored and backed up securely in an environmentally-controlled location. Only authorized people with user ID and password from our company have access to the information.

You must remember to log off from our system after accessing and/or using the Portal and/or Service so that no unauthorized party can have access to your Personal Data. You must not, at any time, divulge your Personal Data to any third party.

**14. TRANSFERRING YOUR PERSONAL DATA AND INFORMATION OUTSIDE OF MALAYSIA**

It may be necessary to transfer your Personal Data and Information to our Affiliate, and/or Authorised Third Party located in countries outside Malaysia. This may happen where our Affiliate and/or the Authorised Third Party is based outside Malaysia or where you access and/or use the Portal and/or Service from countries outside Malaysia. By continuing accessing and/or using the Portal and/or Service, you consented to such transfer.

**15. CONTACT US**

If you have any questions relating to the Portal and/or Service or your Personal Data, please contact us at:

| | |
|---|---|
| Name: | Personal Data Officer |
| Address: | Kiplepay Sdn Bhd<br>B-23A-3, The Ascent Paradigm<br>Jalan SS7/26A, Kelana Jaya<br>47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia |
| Phone number: | +60 3 2714 6288 |
| Email: | support@kiplepay.com |

**16. LANGUAGE**

In the event of conflict on the use of the words and/or meanings of this Privacy Policy in the English and Malay language, the use of words and/or meanings given to it in the English language shall prevail.

## DASAR PRIVASI (BAHASA MELAYU)

20211221

**1. APAKAH DASAR PRIVASI**

Dalam memberi Perkhidmatan kami, kami mungkin mengumpul dan memproses Data Peribadi tertentu. Kami ingin telus dengan anda dengan menyediakan Dasar Privasi ini untuk memaklumkan kepada anda mengenai hak anda berkenaan Data Peribadi anda yang diproses atau yang dikumpul dan diproses dengan lebih lanjut oleh kami. Dasar Privasi ini menerangkan jenis maklumat yang dikumpul, bagaimana maklumat ini digunakan dan disimpan, dengan siapa maklumat ini akan dikongsi dengan, bagaimana anda boleh menarik diri (*opt-out*) dan bagaimana anda boleh mengubah Data Peribadi anda yang disimpan oleh kami dan sebarang perubahan lain yang dibuat dari semasa ke semasa.

Dasar Privasi ini terpakai kepada Portal dan penggunaan Perkhidmatan kami dan ia diperbadankan dan membentuk sebahagian daripada Terma Penggunaan.

## 2. GLOSARI

Perkataan-perkataan berikut diberikan definisi-definisi berikut:-

| | |
|---|---|
| "Akaun" | bermaksud akaun yang anda gunakan untuk berdaftar dengan kami bagi mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan. |
| "Data Peribadi" | mempunyai maksud yang sama seperti dalam PDPA. |
| "e-KYC" | bermaksud proses elektronik untuk mengesahkan identiti pengguna. |
| "Gabungan" | bermasuk sebarang orang atau entiti yang mengawal, dikawal oleh, atau di bawah kawalan bersama suatu syarikat. "Kawalan" bermasuk pemilikan saham ekuiti sebanyak lima puluh peritus (50%) atau lebih daripada undi yang boleh dilaksanakan di mesyuarat agung (atau yang setaraf dengannya) suatu syarikat. |
| "Hantar/Hantarkan" | bermaksud untuk menyiarkan, memaparkan, menghantar dan/atau memuat naik. |
| "Portal" | bermaksud sebarang portal oleh kami dan sedia ada dalam perkhidmatan pengedaran digital yang membolehkan anda untuk memuat turun, mengaktifkan, mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan, dan ia termasuk sebarang kemas kini yang disediakan oleh kami dari semasa ke semasa. |
| "kami" | bermaksud Kiple Digital Sdn Bhd (201701031788 (1245958-T)). |
| "Kandungan" | bermaksud kandungan yang diuruskan dan/atau disediakan oleh kami dan/atau penyedia kandungan yang termasuk tanpa batasan semua bentuk teks, grafik, audio, fail, data, imej, gambar, logo, klip video, penstriman video, berita, siaran langsung dan maklumat mengenai kandungan permintaan. |
| "Laman Web" | bermaksud mana-mana laman web yang dimiliki dan/atau diuruskan oleh kami (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa) yang kini boleh diakses di www.kiple.com, tidak termasuk sebarang laman web luar yang ditunjukkan oleh laman web melalui hiperpautan atau sebaliknya. |
| "Media Sosial" | bermaksud akaun media sosial seperti Facebook, LinkedIn, Twitter, Instagram, Google, atau mana-mana media sosial yang lain. |
| "PDPA" | bermaksud Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. |
| "Perkhidmatan" | bermaksud secara kolektif perkhidmatan, ciri dan/atau fungsi yang disediakan oleh kami kepada pelanggan melalui Portal kami. |
| "pengguna", "anda", atau "milik anda" | bermaksud anda, individu yang mengakses dan/atau menggunakan Portal kami. |

| | |
|---|---|
| "Pertandingan" | bermaksud pemberian atau pertandingan yang dianjurkan oleh kami, Gabungan kami dan/atau ejen kami. |
| "Pihak Berkuasa yang Berkenaan" | bermaksud (i) kerajaan persekutuan Malaysia, (ii) mana-mana negeri, wilayah, keregenan, perbandaran atau lain-lain pecahan politik Malaysia, (iii) mana-mana agensi, autoriti atau alat mana-mana yang di atas, termasuk mana-mana mahkamah, tribunal, jabatan, biro, suruhanjaya atau lembaga, atau (iv) pihak berkuasa yang berkenaan di negara asing, jika berkenaan. |
| "Pihak Ketiga yang Dibenarkan" | bermaksud rakan kongsi perniagaan, kontraktor, ejen, juruaudit, penasihat, mana-mana penyedia telekomunikasi yang kami ada urusan dengan berkaitan Portal dan/atau pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan atau pembekal yang berurusan dengan kami, dari semasa ke semasa untuk tujuan menyediakan Portal dan/atau Perkhidmatan kepada anda. Pihak Ketiga yang Dibenarkan termasuk pihak di mana kami bercadang atau atau mempunyai sebarang urusan perniagaan sedia ada dengannya. |
| "Undang-Undang" | bermaksud sebarang undang-undang (sama ada dalan negeri atau antarabangsa), statut, kod, aturan, garis panduan, notis, ordinan, peraturan, arahan, perintah, penghakiman, writ, injunksi atau dekri, dan termasuk sebarang perubahan dalam permohonan atau tafsirannya. |

## 3. PERUBAHAN

Dasar Privasi kami mungkin diubah dari semasa ke semasa tanpa notis. Oleh itu, sila lihat Dasar Privasi kami dari semasa ke semasa, terutamanya sebelum anda memberikan kami apa-apa Data Peribadi anda. Kali terakhir Dasar Privasi ini dikemaskini adalah pada tarikh yang dinyatakan di atas. Sekiranya anda terus mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan kami selepas sebarang perubahan, pindaan atau pengubahsuaian kepada Dasar Privasi, ini menandakan persetujuan anda kepada syarat-syarat Dasar Privasi yang telah dipinda.

## 4. NASIHAT KEIBUBAPAAN

**Kami memutuskan untuk membuat keseluruhan perenggan dalam tulisan TEBAL untuk menarik perhatian anda. Kami tidak dapat berurusan dengan anda melainkan anda berusia 18 tahun ke atas. Jika anda seorang kanak-kanak, sila dapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga anda sebelum menggunakan Perkhidmatan kami.**

**Sekiranya anda mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa seorang kanak-kanak telah memberikan Data Peribadi kepada kami, sila hubungi kami dan kami akan cuba memadam maklumat tersebut daripada pangkalan data kami. Jika tidak, kami akan menganggap bahawa anda berusia 18 tahun ke atas atau telah mendapat persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga anda apabila anda memberikan Data Peribadi anda kepada kami.**

## 5. BILA DASAR PRIVASI INI TERPAKAI KEPADA ANDA

Dasar Privasi terpakai kepada anda apabila anda mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan.

## 6. MAKLUMAT YANG KAMI KUMPUL

Kami mengumpul maklumat dalam (2) cara: -

(a) **DATA PERIBADI YANG ANDA ATAU PIHAK KETIGA BERIKAN KEPADA KAMI.** Kami boleh mengumpul maklumat, seperti nama, jantina, negara asal, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, lesen memandu, nombor plat kereta, nombor telefon, alamat e-mel, maklumat kad debit dan/atau kredit, gambar, maklumat akaun bank, maklumat perniagaan, cetakan ibu jari, video, pengecaman fisiologi, suara, tandatangan, dan sebagainya. Selain daripada Data Peribadi yang diperoleh daripada anda secara langsung, kami juga boleh mendapatkan Data Peribadi anda daripada pihak ketiga yang berurusan dengan kami dan daripada sumber lain yang dipersetujui atau dibenarkan oleh anda untuk penzahiran Data Peribadi tersebut.

(b) **MAKLUMAT YANG KAMI DAPATKAN DARIPADA PENGGUNAAN PORTAL DAN/ATAU PERKHIDMATAN OLEH ANDA.** Apabila anda berinteraksi dengan kami melalui Portal dan/atau Perkhidmatan, kami boleh mengumpul atau menerima dan menyimpan maklumat peribadi anda yang tidak dapat dikenal pasti. Maklumat sedemikian dikumpul secara pasif menggunakan pelbagai teknologi dan tidak dapat digunakan untuk mengenal pasti anda secara khusus. Maklumat ini termasuk: -

- maklumat khusus kepada peranti seperti model perkakasan, versi sistem operasi, pengecam peranti unik, maklumat rangkaian mudah alih, memori, data kad bunyi, alamat Protokol Internet (IP).
- kuki yang boleh mengenal pasti penyemak imbas anda. Ini diterangkan secara terperinci di bawah.
- butir-butir bagaimana anda mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan seperti carian anda.
- jumlah bilangan pelawat yang mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan.
- data diagnostik dan penggunaan yang dihasilkan oleh peranti anda. Ini diterangkan secara terperinci di bawah.
- bagaimana anda dan pengguna lain menggunakan dan berinteraksi dengan Portal dan/atau Perkhidmatan.

Perkara di atas secara kolektif dikenali sebagai "Maklumat". Jika kami menggabungkan maklumat bukan peribadi dengan Data Peribadi, maklumat gabungan tersebut akan dianggap sebagai Data Peribadi selagi mana ia masih digabungkan.

Data Peribadi dan Maklumat yang anda beri kepada kami adalah perlu. Sekiranya anda tidak memberi kami Data Peribadi dan Maklumat tersebut, kami mungkin tidak dapat memberi anda Portal dan/atau Perkhidmatan.

## 7. PENGGUNAAN DATA PERIBADI DAN MAKLUMAT ANDA

Kami menggunakan Data Peribadi dan Maklumat yang anda beri dengan cara yang selaras dengan Dasar Privasi ini. Sekiranya anda memberi Data Peribadi untuk tujuan tertentu, kami boleh menggunakan Data Peribadi berkaitan dengan tujuan tersebut. Data Peribadi dan Maklumat anda juga boleh digunakan oleh kami, Gabungan kami dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan untuk salah satu atau lebih daripada tujuan-tujuan berikut: -

(a) untuk menilai permohonan anda;
(b) untuk menjalankan e-KYC;
(c) untuk mentadbir penyertaan anda terhadap mana-mana Peraduan atau sebarang kempen atau peristiwa;

(e) untuk mengendalikan dan memberi Portal dan/atau Perkhidmatan kepada anda;
(e) mentadbir Akaun anda;
(f) untuk pentadbiran teknikal Portal dan/atau Perkhidmatan;
(g) untuk tujuan pentadbiran dalaman, termasuk perakaunan dan cukai;
(h) untuk mengesahkan dan memproses pembayaran;
(i) untuk berkomunikasi dengan anda;
(j) untuk bertindak balas terhadap pertanyaan anda;
(k) untuk penyelidikan dan pembangunan;
(l) untuk analisis statistic;
(m) untuk jaminan kualiti;
(n) untuk penambahbaikan Portal dan/atau Perkhidmatan;
(o) untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan;
(p) untuk menjalankan penyiasatan terhadap aduan dan transaksi yang mencurigakan;
(q) mematuhi apa-apa keperluan oleh Pihak Berkuasa yang Berkenaan dan/atau Undang-Undang;
(r) untuk memprofil pilihan Perkhidmatan,
(s) untuk menjalankan penyelidikan pemasaran dan analisis untuk rancangan perniagaan kami;
(t) untuk tujuan penyimpanan rekod, penjanaan laporan dan analisis pengurusan;
(u) untuk memberi anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan lain kami, Gabungan kami dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan,
(v) untuk menghantar maklumat, promosi dan pengemaskinian lepada anda termasuk bahan pemasaran dan pengiklanan berhubung dengan Portal dan/atau Perkhidmatan dan pihak Gabungan kami, dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan;
(w) untuk aktiviti sah perniagaan kami yang lain; dan/atau
(x) sebarang aktiviti lain yang bersampingan dengan Portal dan/atau Perkhidmatan.

Perkara di atas secara kolektifnya dirujuk sebagai "Tujuan" dalam Dasar Privasi ini.

Anda mewakili dan menjamin bahawa persetujuan mana-mana pengguna lain yang mana Data Peribadinya telah anda berikan dalam apa-apa permohonan dan/atau dizahirkan kepada kami telah diperolehi untuk membolehkan kami memproses yang sama untuk Tujuan yang dinyatakan di atas.

Sekiranya kami berniat menggunakan mana-mana Data Peribadi dengan apa-apa cara yang tidak selaras dengan Dasar Privasi ini, anda akan dimaklumkan mengenainya sebelum atau pada masa di mana Data Peribadi dikumpulkan. .

## 8. PENZAHIRAN DATA PERIBADI ANDA

Kami bukan dalam perniagaan menjual Data Peribadi anda. Kami menganggap maklumat ini sebagai bahagian penting kepada hubungan kami dengan anda. Oleh itu, kami tidak akan menjual atau menyewa Data Peribadi anda kecuali seperti yang dinyatakan di sini. Walau bagaimanapun, terdapat situasi tertentu di mana kami boleh berkongsi Data Peribadi anda dengan pihak ketiga tanpa memberi notis selanjutnya kepada anda, seperti yang dinyatakan di bawah.

<u>Pemindahan Perniagaan.</u> Semasa kami mengembangkan perniagaan kami, kami mungkin menjual atau membeli perniagaan atau aset. Sekiranya penjualan korporat, penggabungan, penyusunan semula, pembubaran atau peristiwa serupa berlaku, Data Peribadi mungkin menjadi sebahagian daripada aset yang dipindahkan.

<u>Gabungan</u>. Kami juga mungkin berkongsi Data Peribadi anda dengan Gabungan kami untuk tujuan yang selaras dengan Dasar Privasi ini.

<u>Pihak Berkuasa yang Berkenaan.</u> Untuk mematuhi apa-apa perintah mahkamah atau arahan daripada pihak berkuasa yang menyiasat sebarang kesalahan, salah laku dan/atau penyalahgunaan yang

didakwa atau untuk menguatkuasakan apa-apa terma dan syarat yang terpakai bagi anda, atau jika tindakan sedemikian adalah perlu untuk melindungi dan mempertahankan hak atau harta kami.

Pihak Ketiga yang Dibenarkan. Jika perkhidmatan daripada Pihak Ketiga yang Dibenarkan diperlukan, kami akan berkongsi Data Peribadi anda secara rahsia. Pihak Ketiga yang Dibenarkan tidak akan dibenarkan untuk menggunakan Data Peribadi anda yang telah dizahirkan kepada mereka kecuali untuk tujuan yang selaras dengan Dasar Privasi ini.

Pihak Lain. Kami mungkin menzahirkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak lain yang mana telah anda persetujui untuk penzahiran data anda.

## 9. PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA

Portal kami mungkin mempunyai pautan atau platform kepada aplikasi, laman web dan/atau perkhidmatan pihak ketiga untuk menyediakan perkhidmatan tertentu kepada anda ("Perkhidmatan Pihak Ketiga"). Dari semasa ke semasa, Perkhidmatan Pihak Ketiga ini mungkin mengandungi pautan ke laman web lain. Kami tidak bertanggungjawab untuk amalan privasi atau kandungan laman web tersebut atau mana-mana pihak ketiga. Anda harus menyemak dasar privasi Perkhidmatan Pihak Ketiga tersebut. Dasar Privasi ini hanya tertakluk kepada Data Peribadi dan Maklumat yang dikumpul oleh kami.

## 10. KUKI

Apakah itu Kuki?

Apabila anda mengakses dan/atau menggunakan Portal, peranti anda secara automatik akan dikeluarkan dengan kuki. Kuki adalah fail kecil yang mengandungi rentetan aksara yang diletakkan di dalam cakera keras peranti anda untuk mengenal pasti peranti anda kepada pelayan kami. Secara umumnya, kuki hanya merekodkan kawasan-kawasan laman yang telah dilawati oleh peranti yang dipersoalkan, dan tempoh. Banyak laman web dan/atau aplikasi perisian melakukan ini setiap kali pengguna melawat laman mereka untuk menjejaki aliran trafik.

Bergantung kepada jenis peranti yang anda gunakan, anda boleh menetapkan peranti anda untuk menerima semua kuki, untuk memaklumkan anda apabila kuki dikeluarkan, atau untuk tidak menerima kuki pada bila-bila masa. Yang terakhir ini, sudah tentu, bermakna bahawa perkhidmatan tertentu tidak dapat diberikan kepada anda.

Kuki kami: -

Kami menggunakan "kuki" untuk menyimpan dan menjejaki maklumat mengenai anda dan akses anda dan/atau penggunaan Portal.
Kuki dan maklumat yang didapati daripada kuki kami digunakan selaras dengan penggunaan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini dan secara khususnya:

- Untuk membantu menyimpan dan mendapatkan 12embali kata laluan yang digunakan di Portal. Dengan cara ini, anda tidak perlu memasukkan semula maklumat setiap kali anda melawat Portal.
- untuk menjejaki maklumat seperti kekerapan dan tempoh akses anda dan/atau penggunaan Portal, aliran klik anda semasa anda melawati Portal dan membantu kami menentukan sama ada anda datang ke Portal daripada pautan internet atau sepanduk iklan tertentu.
- untuk menganalisis profil pelawat dan pengguna untuk membantu kami dalam memberikan anda akses dan/atau penggunaan Portal yang lebih baik untuk menambahbaik Portal.
- untuk memperibadikan kandungan, sepanduk dan promosi yang akan anda lihat di Portal.

Kebanyakan kuki adalah "kuki sesi," yang bermaksud bahawa ia akan dipadamkan secara automatik daripada peranti anda pada akhir sesi. Anda sentiasa bebas untuk menolak kuki jika peranti anda membenarkan, namun begitu, anda mungkin tidak dapat menggunakan ciri-ciri tertentu Portal dan anda mungkin dikehendaki memasukkan semula kata laluan anda dengan lebih kerap pada satu sesi.

Kuki Pihak Ketiga:

Kami mungkin membenarkan pihak ketiga lain untuk menyampaikan iklan apabila anda mengakses dan/atau menggunakan Portal. Semasa menyampaikan iklan, pihak ketiga boleh meletakkan atau mengenalpasti kuki unik dalam peranti anda. Pihak ketiga tersebut boleh menggunakan maklumat yang diambil dari kuki mereka untuk memberikan iklan mengenai Portal dan produk dan perkhidmatan lain yang mungkin menarik minat anda.

**KAMI TIDAK MEMPUNYAI AKSES ATAU KAWALAN KE ATAS KUKI PIHAK KETIGA DAN KUKI TERSEBUT TIDAK TERTAKLUK KEPADA DASAR PRIVASI KAMI. SILA LAWATI DASAR PRIVASI PIHAK KETIGA UNTUK MAKLUMAT LANJUT.** Jika anda ingin mengelakkan pihak ketiga daripada menghantar dan membaca kuki pada peranti anda, anda perlu melawat setiap laman web mereka secara individu untuk meminta anda dikeluarkan daripada sistem tersebut.

## 11. DATA DIAGNOSTIK DAN PENGGUNAAN

Kami ingin anda membantu kami meningkatkan kualiti dan prestasi Portal dan/atau Perkhidmatan. Secara automatik, kami boleh mengumpulkan data diagnostik dan penggunaan daripada peranti yang anda gunakan dan maklumat tersebut akan dihantar kepada kami untuk analisis. Maklumat akan diserahkan tanpa nama kepada kami. Tiada maklumat yang dihantar dapat mengenal pasti anda secara peribadi, atau kami tidak akan memasukkan imej atau mana-mana teks anda. Jika anda membenarkan kami mengumpul data diagnostik dan penggunaan, ia mungkin termasuk butiran mengenai kemalangan aplikasi dan butiran tentang ciri-ciri Portal yang anda gunakan dan kekerapan penggunaan. Data ini juga akan menunjukkan jenis peranti yang anda gunakan dan versi sistem operasi. Pelaporan secara automatik akan diaktifkan bagi data diagnostik dan penggunaan secara default.

## 12. HAK BERKAITAN DENGAN DATA PERIBADI ANDA

Anda boleh menulis kepada kami di alamat e-mel yang disediakan dalam Dasar Privasi ini pada bila-bila masa untuk mengakses, membetulkan, membuat pertanyaan atau mendapatkan butir-butir Data Peribadi yang kami simpan tentang anda, atau untuk menghadkan pemprosesan Data Peribadi. Sila nyatakan nama, nombor kad pengenalan dan nombor mudah alih anda, dan di mana terpakai, untukmemberi maklumat ringkas tentang Data Peribadi berkaitan. Kami mungkin akan mengenakan jumlah yang munasabah yang dibenarkan oleh undang-undang sedia ada untuk menampung kos pentadbiran kami.

Kami berhak menolak untuk memberikan anda salinan Data Peribadi anda, tetapi kami akan memberikan alasan atas keengganan kami.

Berhubung dengan pemasaran langsung, melainkan terdapat fungsi Opt-In dan/atau Opt-Out, anda boleh meminta kami untuk tidak memproses Data Peribadi anda melalui notis bertulis.

Kami mengekalkan Data Peribadi anda dalam rekod perniagaan kami semasa anda mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan. Kami juga mengekalkan maklumat ini untuk tempoh masa selepas anda tidak lagi menjadi pelanggan atau apabila anda berhenti mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan jika maklumat itu diperlukan untuk Tujuan yang mana ia dikumpulkan atau untuk memenuhi keperluan undang-undang.

## 13. KESELAMATAN

Portal ini mungkin bukan medium yang selamat, dan mungkin tertakluk kepada pemintasan pihak ketiga. Kami tidak bertanggungjawab bagi sebarang akses tanpa kebenaran atau kehilangan Data Peribadi.

Kami telah melaksanakan dasar dan peraturan keselamatan dan langkah-langkah teknikal untuk melindungi Data Peribadi anda daripada akses yang tidak dibenarkan, penggunaan atau penzahiran yang tidak wajar, pengubahsuaian yang tidak dibenarkan, pemusnahan yang tidak sah atau kerugian secara tidak sengaja. Semua pekerja dan pemproses data kami, yang mempunyai akses dan berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi, diwajibkan menghormati kerahsiaan maklumat anda.

Walaupun kami tidak dapat menjamin bahawa kerugian, penyalahgunaan atau pengubahan Data Peribadi tidak akan berlaku; kami membuat usaha yang munasabah untuk mencegah kejadian-kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.

Data Peribadi yang kami kumpulkan daripada anda akan disimpan dan disandarkan dengan selamat di lokasi yang dikawal. Hanya orang yang diberi kuasa dengan ID pengguna dan kata laluan daripada syarikat kami mempunyai akses kepada maklumat tersebut.

Anda mesti ingat untuk log keluar daripada sistem kami selepas mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan supaya tiada pihak yang tidak dibenarkan boleh mengakses Data Peribadi anda. Pada setiap masa, anda tidak boleh menzahirkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga.

## 14. PEMINDAHAN DATA PERIBADI AND MAKLUMAT ANDA KE LUAR MALAYSIA

Kami mungkin perlu memindahkan Data Peribadi dan Maklumat anda kepada Gabungan kami, dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan ke negara-negara yang terletak di luar Malaysia. Ini mungkin berlaku di mana Gabungan kami dan atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan terletak di luar Malaysia atau di mana anda mengakses dan/atau menggunakan Portal dari negara-negara di luar Malaysia. Dengan terus mengakses dan/atau menggunakan Portal dan/atau Perkhidmatan, anda bersetuju dengan pemindahan tersebut.

## 15. HUBUNGI KAMI

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan berkaitan Portal dan/atau Perkhidmatan atau Data Peribadi anda, sila hubungi kami di:


| | |
|---|---|
| Nama: | Pegawai Data Peribadi |
| Alamat: | Kiplepay Sdn Bhd<br>B-23A-3, The Ascent Paradigm<br>Jalan SS7/26A, Kelana Jaya<br>47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia |
| No telefon: | +60 3 2714 6288 |
| Emel: | support@kiplepay.com |


## 16. BAHASA

Sekiranya berlaku konflik terhadap penggunaan perkataan dan/atau makna Dasar Privasi ini dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, penggunaan perkataan dan/atau makna yang diberikan kepadanya dalam bahasa Inggeris akan terpakai.

*[baki halaman ini dibiarkan kosong secara sengaja]*